



**Untuk Siaran Segera
26 Mei 2025**

PNB Lancar *Signature Volunteerism Day* 2025, Menyasarkan 10,000 Jam Kerja Sukarela

Inisiatif bertujuan untuk memartabatkan kelestarian alam sekitar dan tanggungjawab sosial

KUALA LUMPUR, 26 Mei 2025 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah mencatat satu pencapaian baharu dengan pelancaran PNB *Signature Volunteerism Day* (Hari Kesukarelawanan *Signature* PNB) 2025, yang menghimpunkan lebih 500 sukarelawan PNB di pelbagai lokasi bagi memartabatkan usaha kelestarian alam sekitar dan tanggungjawab sosial.

Program utama berlangsung di Taman Alam Kuala Selangor, sebuah kawasan perlindungan alam semula jadi seluas 2,400 ekar yang terkenal dengan kepelbagaian biodiversiti dan usaha pemuliharaan. Aktiviti ini mendapat kerjasama strategik daripada Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan turut disokong oleh Taman Alam Kuala Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Majlis Perbandaran Kuala Selangor, serta komuniti setempat.

Aktiviti sukarelawan serentak turut dijalankan oleh cawangan-cawangan ASNB di Melaka; Seremban, Negeri Sembilan; Ipoh, Perak; Batu Pahat, Johor Bahru; Pasir Puteh dan Kota Bharu di Kelantan serta di Bintulu, Sarawak. Aktiviti yang dijalankan merangkumi penanaman pokok, gotong-royong bersama komuniti dan program kesedaran alam sekitar. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada strategi menyeluruh PNB di bawah Rangka Kerja Kesukarelawanan PNB, yang dilancarkan pada Mac 2024 bertujuan memupuk budaya penglibatan inklusif dan pemberian yang bermakna dalam kalangan warga kerjanya.

PNB berkomitmen tinggi terhadap kelestarian melalui Rangka Kerja Kelestariannya, yang dilancarkan pada April 2022. Rangka Kerja ini menggariskan 10 komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi memacu perniagaan Kumpulan PNB ke arah pulangan yang mampan dan kompetitif.

“Bagi memenuhi aspirasi Sosial kami, PNB turut melancarkan Rangka Kerja Pelaburan Sosial (SIF) bagi menyokong bidang pendidikan, kesihatan, pembangunan komuniti dan

alam sekitar, sejajar dengan Matlamat PNB, untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.” kata Ketua Pegawai Operasi Kumpulan PNB, Muzzaffar Othman, dalam ucapan pembukaan beliau.

Beliau mengulas lanjut “Bagi mengukuhkan lagi komitmen PNB dalam menggalakkan dan membina budaya inklusif melalui aktiviti sukarelawan dalam kalangan rakan sekerja PNB, pada Mac lalu, PNB telah melancarkan *PNB Volunteerism Framework* atau Rangka Kerja Kesukarelawanan PNB, dengan hasrat untuk menyumbang kepada masyarakat dan persekitaran. Menerusi pelaburan strategik dan komitmen terhadap kelestarian, PNB bukan sahaja berjaya mencapai pulangan yang mampan, malah turut memberi impak positif kepada generasi akan datang serta meningkatkan kualiti hidup rakyat.”

Sepanjang tahun 2024, PNB mencatat hampir 2,000 jam kerja sukarela yang disumbangkan oleh 370 warga kerja menerusi pelbagai program. PNB telah menetapkan sasaran yang lebih tinggi iaitu 10,000 jam kerja sukarela bagi tahun 2025 untuk meneruskan momentum ini. Sasaran yang lebih tinggi ini mencerminkan komitmen berterusan PNB untuk memberi nilai tambah kepada komuniti dengan memacu impak sosial yang positif serta memupuk budaya kesukarelawanan yang lebih kukuh dalam organisasi.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad